

# Kestabilan politik tak wajar disalah guna

## PM mahu negeri lain contohi persefahaman kaum di Sarawak

**Miri:** Kestabilan politik yang dikecapi negara sejak dua tahun lalu tidak harus disalah guna oleh pemimpin politik bagi mengukuhkan kedudukan, sebaliknya perlu dimanfaatkan sebagai ruang untuk melaksanakan dasar yang baik untuk rakyat, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, kestabilan yang membawa kepada pengukuhan nilai mata wang ringgit, pengurangan berkurangan dan inflasi lebih terkawal, membolehkan kerajaan semasa menumpukan usaha memba-

ngunakan rakyat.

“Kadangkala masih ada orang politik yang sudah agak terdesak, yang agak lemas, dia tengok ekonomi berkembang, ringgit kian kukuh, tahap pengangguran berkurangan, peluang pekerjaan meningkat dan inflasi lebih terkawal maka jalan keluar untuk mereka adalah menghasut supaya timbul kebencian antara kaum serta kegelisahan kerana perbezaan faham agama,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Program MADANI Rakyat 2024 Sarawakku Sayang, di sini semalam.

Anwar berkata, persefahaman kaum di Sarawak yang menjadi asas kepada kestabilan politik di wilayah itu wajar dijadikan contoh untuk negeri lain bagi membolehkan mereka menumpukan kepada usaha pembangunan.

Dalam usaha kerajaan memas-



Anwar diiringi Abang Johari (kanan) dan Fadillah melawat reruai pameran pada program MADANI Rakyat 2024 Sarawakku Sayang di Miri, semalam. (Foto bernama)

tikan rakyat yang layak mendapat bantuan di bawah Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Anwar turut mengumumkan pemberian secara langsung kepada penerima di Sabah dan Sarawak yang tidak mempunyai akaun bank.

Program itu dilancarkan ketika PMR 2024 di sini dan akan turut dilancarkan ketika lawatan Perdana Menteri ke Kapit hari ini.

“Ada tuai rumah bagi tahu di rumah panjang, mereka tidak ada akaun bank, maka itulah sebabnya di sini ada 500,000 penerima STR yang layak, tetapi tidak mempunyai akaun bank,” katanya.

Beliau turut menghargai sokongan terhadap PMR 2024 yang bertujuan memberi maklumat kepada rakyat tentang perkhidmatan kerajaan secara terus se-

lain mendapatkan maklum balas.

“Walaupun sasaran (pengunjung) untuk Program MADANI Rakyat Sarawakku Sayang ini 100,000 tetapi sehingga kini, sudah mencatat 70,000 orang. Ini menunjukkan bahawa sambutan rakyat kian hangat,” katanya.

### Perkukuh tenaga hijau

Sementara itu, Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg, berkata pengukuhan mata wang ringgit membuktikan kepercayaan Kerajaan Perpaduan pimpinan Anwar untuk menstabilkan keadaan politik negara.

Beliau berkata, kestabilan itu perlu digunakan oleh kerajaan untuk memberikan tumpuan kepada pembangunan ekonomi dan fokus Kerajaan Negeri Sarawak ketika ini adalah memperkukuh

kekuatannya dalam sektor tenaga hijau serta pertanian.

“Kita dari Sarawak mencuba untuk menstabilkan Malaysia supaya keadaan aman dan makmur seterusnya dapatlah kita menumpukan kepada kerja kita untuk membangunkan seluruh negara,” katanya ketika berucap pada majlis sama.

Abang Johari juga berkata, kestabilan politik yang dinikmati sejak dua tahun lepas susulan penubuhan Kerajaan Perpaduan mungkin bertambah baik dan mampu memperbaiki ekonomi negara.

“Ini melambangkan bahawa ekonomi kita sudah pulih dan perjalanan masih jauh, sebab itu saya dengan rakan-rakan menyambut baik hasrat mengadakan Program MADANI Rakyat ini,” katanya. BERNAMA